

Ruj : AKKM : (S) 2/3/2 Sj. 8 Jld. 7 (20)
Tarikh : 13 September 2021

Semua Kakitangan
ANGKASA

السَّلَامَةُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَکَاتُهُ

Tuan/Puan,

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada kakitangan ANGKASA yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

1. Nama Jawatan : **PENGURUS BESAR (GRED M1) – Ibu Pejabat - 1 KOSONG**
BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO, TADBIR URUS & INTEGRITI

Kelayakan / Pengalaman

- Eksekutif Gred M2 / M3 berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan / Perakaunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 7 tahun di peringkat pengurusan.
- Berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang pengurusan risiko, tadbir urus dan integriti organisasi.
- Fasih dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Bidang Tugas

- Menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti iaitu mengurus, merancang, menyelia dan mentadbir Bahagian Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti.
- Sentiasa memastikan perjalanan dan fungsi-fungsi unit-unit di bawah Bahagian Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti iaitu Unit Pengurusan Risiko, Unit Kawalan Dalaman & Pematuhan ISO, Unit Integriti, Unit Peyakin Keselamatan, Unit Khidmat Senggara dan Unit Pemulihan mencapai kehendak objektif dan dasar serta peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa yang berkenaan.
- Bertanggungjawab merancang, mengawal dan menyediakan belanjawan bahagian serta memastikan peruntukan dan perbelanjaan dikawalselia.
- Menyediakan laporan bulanan termasuk laporan aktiviti, projek dan sebagainya kepada Mesyuarat Jawatankuasa.

- Menyediakan kertas-kertas kerja, laporan penilaian projek, laporan luar biasa dan lain-lain laporan berkaitan apabila diarahkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan, Jawatankuasa Kerja Kebangsaan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti dan lain-lain jawatankuasa berkaitan.
- Bertanggungjawab sebagai pihak rujukan dalam perbincangan dengan pihak luar (SPRM, Integriti, LHDN, JSM dsb).
- Bertanggungjawab memantau berterusan persijilan Ikrar Integriti Korporat ANGKASA.
- Bertanggungjawab memastikan Integriti ANGKASA dilaksanakan melalui proses aduan, pengesanan / pengesahan, tatatertib, tadbir urus dan pematuhan.
- Bertanggungjawab membantu pembangunan Integriti Koperasi.

2. Nama Jawatan : PENGURUS (GRED M3) – Ibu Pejabat - 1 KOSONG
BAHAGIAN SEKRETARIAT

Kelayakan / Pengalaman

- Eksekutif Gred E1 / T1 yang berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Perakaunan / Pentadbiran Perniagaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun di peringkat pengurusan.
- Berkebolehan untuk merancang dan menjadi pemacu kepada KPI dan pembangunan perniagaan negeri.
- Berpengalaman dan berkemahiran memberi penerangan mengenai keahlian ANGKASA, Persidangan Negeri dan Kebangsaan adalah diutamakan.
- Mempunyai kemahiran analitikal yang tinggi, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah yang baik.
- Fasih dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Bidang Tugas

- Membantu Pengurus Besar merancang, menyusun dan melaksanakan program Unit Hal Ehwal JPAN, Keanggotaan dan Pengurusan Mesyuarat.
- Membantu Pengurus Besar merancang, Menyusun dan menyediakan Bajet Tahunan Unit di bawah peruntukan ANGKASA dan Kwapb.
- Membantu Pengurus Besar merancang, Menyusun, melaksana dan menyelaras Mesyuarat Agung Negeri (MAN) dan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA).
- Membantu Pengurus Besar menyelaras program dibawah Hal Ehwal Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN).
- Membantu Pengurus Besar merancang, Menyusun dan mengemaskini Sistem Pengkalan Data ANGKASA (SKA) dan Keanggotaan.
- Menyediakan Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Laporan Impak bagi Unit dan JPAN.
- Menyediakan kertas kerja, laporan dan pencapaian Unit untuk dibentangkan dalam mesyuarat MJKK dan MJTK.

3. Nama Jawatan : **PEGAWAI** (GRED E2) – *Ibu Pejabat*

- 2 KOSONG

BAHAGIAN SEKRETARIAT

Kelayakan / Pengalaman

- Eksekutif Gred E3 / E4 / T2 berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan / Pentadbiran Perniagaan / Pengurusan Pembangunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun ; atau
- Eksekutif Gred E3 / E4 / T2 berkelulusan Diploma Perakaunan / Pentadbiran Perniagaan / Pengurusan Pembangunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun.
- Mempunyai hubungan yang baik dengan ahli-ahli ANGKASA adalah satu kelebihan.
- Mempunyai kemahiran analitikal yang tinggi, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah yang baik.
- Fasih dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris,

Bidang Tugas

- Membantu Pengurus Unit menjalankan program seranta seperti Seminar, Bengkel, Simposium dan lain-lain program yang telah diluluskan.
- Membantu Pengurus Unit merancang, menyusun dan melaksana Program AURA samada secara fizikal ataupun secara atas talian.
- Membantu Pengurus Unit mempromosikan program kursus di bawah Program Seranta ke koperasi-koperasi anggota ANGKASA.
- Membuat dan menyediakan laporan kursus, seminar atau apa- apa program dibawah seliaan unit.
- Membuat penulisan buku, artikel, majalah dan lain- lain bentuk penulisan.

ATAU

- Membantu penolong pengurus dan pengurus mengemaskini, menyusun, menyelia dan mengurus Sistem Keanggotaan ANGKASA (SKA).
- Membantu Penolong Pengurus dan pengurus dan Pengurus menyelaras dan melaksana program promosi keanggotaan ANGKASA dan kemasukan anggota baru.
- Membantu Penolong Pengurus dan pengurus menyelaras program induksi kepada anggota baru.
- Membantu penolong pengurus dan Pengurus menyelia tugas-tugas kakitangan JPAN.
- Menyediakan laporan kursus, seminar atau apa- apa program dibawah seliaan unit.

4. Nama Jawatan : **PEGAWAI** (GRED E2) – *Ibu Pejabat*

- 1 KOSONG

BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

Kelayakan / Pengalaman

- Eksekutif Gred E3 / E4 / T2 berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa / Pegurusan Perniagaan / Ekonomi / Sains Sosial (Hubungan Antarabangsa) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun; atau
- Eksekutif Gred E3 / E4 / T2 berkelulusan Diploma Perniagaan Antarabangsa / Pegurusan Perniagaan / Ekonomi / Sains Sosial (Hubungan Antarabangsa) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun; atau
- Berpengalaman dalam mengendalikan sesuatu projek / aktiviti di peringkat antarabangsa adalah satu kelebihan.
- Fasih berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah dimestikan.

Bidang Tugas

- Membantu Pengurus dalam Membina perhubungan dengan rakan perniagaan di dalam dan diluar negeri dan mengenalpasti peluang-peluang perniagaan di luar negeri.
- Membantu menyelaraskan kajian rancangan pembangunan perniagaan di peringkat antarabangsa.
- Membantu mengadakan rundingan serta 'closed deal' perniagaan dengan rakan-rakan strategik di peringkat antarabangsa.
- Membantu mengadakan kerjasama dengan sektor sektor dan bahagian-bahagian dalam ANGKASA bagi mencari dan meningkatkan peluang-peluang perniagaan di peringkat antarabangsa.
- Membantu menjalin kerjasama dengan pihak ICA GLOBAL, ICA-Asia Pacific, MBO dan ACO bagi mencari peluang-peluang perniagaan dan mewujudkan rakan strategik dalam perniagaan antarabangsa.
- Membantu dalam menyediakan laporan pembangunan perniagaan untuk mesyuarat ANGKASA yang berkaitan.

Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan melalui Pengurus Besar bahagian masing-masing dengan **menyertakan resume yang lengkap** selewat-lewatnya pada **20 September 2021 (Isnin)**. Pegawai / kakitangan yang ingin memohon dibenarkan memohon untuk satu (1) permohonan sahaja.

Hanya permohonan yang terpilih sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

Sekian, terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



HJ ABDUL RAHIM ABDUL RAHMAN

Pengurus Besar

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

HARAR/SZAB/IFMH/SNAH/chra:2021_iklandalaman_13092021